

# Muzik *Gondang Sabangunan* dan Peranannya dalam Upacara Pesta Adat Batak Toba: Satu Pengenalan

**Emmi Simangunsong**

*Universiti Huria Kristen Batak Protestan Nommensen Medan*

Batak Toba adalah salah satu kaum Batak yang terdapat di Tapanuli Utara, Sumatera Utara, Indonesia. Dalam upacara pesta adat yang dilakukan oleh masyarakat Batak Toba, muzik *gondang sabangunan* berfungsi sebagai mengiringi tarian dan juga sebagai medium untuk mencapai tujuan yang diinginkan dalam upacara pesta adat. Berhubung dengan itu, perbincangan mengenai adat *dalihan na tolu* (adat dalam struktur kekerabatan) dan *tortor* (tarian adat) adalah penting kerana adat *dalihan na tolu*, muzik *gondang* dan *tortor* merupakan satu kesatuan yang tidak dapat dipisahkan dalam pelaksanaan upacara pesta adat.

Dalam masyarakat Batak Toba, sehingga sekarang ini, adat *dalihan na tolu*, masih tetap dihargai sebagai asas kehidupan. Asas kehidupan itu tergambar pada falsafah *dalihan na tolu*, iaitu *somba marhula-hula* (hormat kepada pihak marga orang tua daripada isteri [mentua]), *elek marboru* (pujuk/sayang kepada pihak marga daripada suami anak perempuan [menantu]), *manat mardongan tubu* (berhati-hati kepada pihak sama marga daripada suami [lelaki bersaudara]). Hal ini bermakna supaya hubungan kekeluargaan tetap utuh dan mesra di dalam kelompok kekerabatan. Sikap berhati-hati itu merupakan prinsip asas dalam falsafah *dalihan na tolu* kerana lelaki bersaudara adalah pusat menyusun rencana dan program yang menjadi titik berat perkembangan kemajuan dan kemunduran organisasi kelompok kekerabatan itu (Gultom 1992: 124).

Berkaitan dengan falsafah itu, setiap anggota masyarakat Batak Toba ingin mencapai nilai-nilai kehidupan yang terdapat dalam *adat dalihan na tolu*, iaitu *hagabeon* (mempunyai anak-anak lelaki dan perempuan), *hamoraon* (kekayaan), dan *hasangapon* (bermartabat dan berprestij). Ketiga-tiga nilai ini merupakan 'kekuatan', 'kesinambungan' dan 'kesempurnaan' daripada *adat dalihan na tolu*. Kekayaan dikehendaki untuk mempunyai kekuatan; mempunyai anak lelaki dan perempuan dikehendaki untuk mempunyai kesinambungan marga keturunan; dan prestij dimiliki untuk mencapai kesempurnaan. Kalau nilai-nilai kehidupan itu sudah dicapai, orang-orang Batak Toba akan dapat melaksanakan falsafah *dalihan na tolu* dengan lebih sempurna sama ada dalam kehidupan seharian atau dalam upacara pesta adat.

Dalam pelaksanaan upacara pesta adat, fungsi muzik *gondang* sangatlah penting. Setiap anggota masyarakat Batak Toba berusaha supaya upacara pesta adat yang dilaksanakan diiringi dengan muzik *gondang sabangunan*. Masyarakat Batak Toba mempunyai konsep pemikiran bahawa muzik *gondang sabangunan* akan lebih menyempurnakan pelaksanaan falsafah *dalihan na tolu* dalam upacara pesta adat.

Dalam artikel ini, persoalan adalah pada muzik *gondang sabangunan* dan peranannya dalam upacara pesta adat. Maksud perkataan *gondang* akan dibincangkan kerana ia adalah asas bagi memahami apakah itu muzik *gondang* Batak Toba. Perkataan *gondang* mempunyai banyak pengertian sesuai dengan konteks penggunaannya. Repertoir muzik *gondang* sangat banyak jumlahnya namun tidak semua akan dimainkan dalam upacara pesta adat. Pemilihan tajuk-tajuk *gondang* harus dilakukan sesuai dengan keinginan dan tujuan yang diharapkan oleh pelaksana upacara pesta adat. Fungsi muzik *gondang* untuk mengiringi acara tarian adat *dalihan na tolu* juga akan dibincangkan, sama ada bagi pengesahan upacara pesta adat, bagi pengintegrasian masyarakat, bagi kesinambungan kebudayaan, bagi reaksi jasmani atau bagi komunikasi (Merriam 1964: 219-226). Fungsi muzik *gondang* itu terpapar dalam upacara pesta adat Batak Toba.

### Erti Perkataan *Gondang*

Dalam konsep pemikiran masyarakat Batak Toba, perkataan *gondang* mempunyai banyak pengertian. Jika tidak difahami konteks penggunaannya, perkataan *gondang* itu boleh mengelirukan sama ada oleh orang yang menggunakannya, mendengarnya ataupun orang yang membaca artikel ini. Perkataan *gondang* berkaitan dengan banyak aspek dan secara khusus pula berkaitan dengan adat *dalihan na tolu*. Justeru itu, saya harus menjelaskan erti perkataan *gondang* pada masyarakat Batak Toba.

Dalam muzik tradisional Batak Toba, perkataan ‘muzik’ memberi erti yang berbeza dengan perkataan *gondang*. Walaupun perkataan *gondang* mempunyai persamaan erti, iaitu muzik, tetapi tujuan mengguna perkataan muzik dengan *gondang* tidaklah sama. Perkataan ‘muzik’ dikaitkan dengan muzik moden sedangkan perkataan *gondang* dikaitkan dengan muzik tradisional. Oleh itu, jika orang Batak Toba berkata upacara pesta adat itu diiring oleh muzik, ia bermaksud iringan muzik tiup (pancaragam brass) bukan iringan [muzik] *gondang sabangunan*.

Perkataan *gondang* mempunyai erti seberikut:

- 1) ensembel muzik tradisional, misalnya ensembel *gondang sabangunan*, ensembel *gondang hasapi*;
- 2) satu set alat-alat muzik dram tradisional iaitu *taganing* dan *gordang*;
- 3) satu karya muzik tradisional atau tajuk lagu, misalnya *Gondang Sampur Marorot* (*gondang* memohon diberi anak);
- 4) kelompok repertoir (‘keluarga *gondang*’), misalnya *Gondang Somba* (*gondang* untuk menyembah...);

- 5) nama upacara, misalnya *Gondang Saem* (upacara penyembuhan), *Gondang Mandudu* (upacara memanggil hujan), *Gondang Saur Matua* (upacara adat kematian), *Gondang Na Poso* (pesta para belia);
- 6) tempo lagu, misalnya *gondang na jae-jae* (*gondang* bertempo sedang);
- 7) 'doa' (misalnya *Gondang Sampur Marorot* merupakan 'doa' memohon supaya diberi anak);
- 8) nama bahagian acara daripada upacara pesta adat yang berkaitan dengan (*adat dalihan na tolu*).

Nama-nama acara *dalihan na tolu* adalah *gondang ni suhut* (acara menari khusus oleh pelaksana upacara pesta adat), *gondang ni dongan tubu* (acara menari kelompok lelaki bersaudara), *gondang ni boru* (acara menari kelompok *boru* [menantu], dan *gondang ni hula-hula* (acara menari kelompok *hula-hula* [mentua]). Oleh kerana acara-acara itu tidak terlepas daripada tarian (*tortor*), *gondang ni suhut* dan *gondang ni dongan tubu* disebut juga sebagai *tortor suhut* kerana *dongan tubu* (keluarga lelaki bersaudara) dan *suhut* (pelaksana upacara) adalah satu kesatuan sebagai pelaksana upacara pesta adat. Demikian pula *gondang ni boru* dan *gondang ni hula-hula* disebut menjadi satu acara iaitu *tortor adat dalihan na tolu* (acara tarian adat daripada unsur-unsur kekerabatan). Alasannya adalah kalau kelompok *boru* (menantu) menari, sudah pasti kelompok *hula-hula* (mentua) juga menari. Sememangnya kelompok *boru* dan kelompok *hula-hula* merupakan satu kesatuan dalam acara *tortor*.

Penggunaan perkataan *gondang* dalam konteks yang berbeza-beza itu memberi gambaran tentang konsep pemikiran orang Batak Toba mengenai muzik mereka, iaitu dari segi perbezaan antara upacara pesta adat, upacara bukan-adat dan upacara 'agama' (kepercayaan asli) serta pengelompokan acara tarian daripada unsur-unsur kekerabatannya. Kesalahan tafsiran

perkataan *gondang* dan konteks penggunaannya dalam upacara, akan membawa pengertian yang salah. Sebagai contoh, perkataan *Gondang Saem* dan *Gondang Sampur Marorot* membawa erti yang berbeza walaupun kedua-dua istilah ini menggunakan perkataan *gondang*. Perkataan *gondang* dalam *Gondang Saem* mempunyai erti nama upacara, iaitu upacara penyembuhan dalam konteks upacara 'agama'/kepercayaan asli Batak Toba. Perkataan *gondang* dalam *Gondang Sampur Marorot* bererti 'doa' permohonan supaya diberi anak, yang dimainkan dalam konteks upacara pesta adat.

### **Alat-alat Muzik Ensemble *Gondang Sabangunan***

Dalam tradisi muzik Batak Toba terdapat dua ensemble, iaitu *gondang sabangunan* dan *gondang hasapi*.<sup>1</sup> Kedua-dua ensemble ini hampir tidak mempunyai perbezaan, kedua-duanya selalu digunakan di dalam upacara-upacara yang berhubung kait dengan kepercayaan tradisional, adat, mahupun hiburan. Lagu-lagu atau repertoir *gondang hasapi* pada prinsipnya sama dengan repertoir yang digunakan oleh *gondang sabangunan* meskipun bunyi daripada kedua-dua ensemble itu amat berbeza.

Ensemble *gondang sabangunan* mengandungi alat-alat muzik seberikut:

- 1) Sebuah *sarune bolon*;
- 2) *Taganing* (disebut juga *tataganing*) yang mengandungi seperangkat lima dram;
- 3) Sebuah *gordang* (dram besar);
- 4) Empat buah *ogung* iaitu *ogung oloan*, *ogung ihutan*, *ogung panggora* dan *ogung doal*;
- 5) Sebuah *hesek* (Gambar 1).

### ***Sarune Bolon***

*Sarune bolon* (serunai besar) adalah jenis alat muzik erofon di mana bunyi dihasilkan melalui udara yang ditiup ke dalam rid oleh pemain. Alat muzik ini diklasifikasikan sebagai paip yang berpipit (berlidah). *Sarune bolon* ini mengutamakan lidah atau rid yang terdiri daripada dua lapisan *arung* (sejenis bambu) yang nipis. Badan *sarune* diperbuat daripada batang kayu mahoni panjang yang berbentuk kon, yang berukuran antara 60 hingga 70 sentimeter. Terdapat lima lubang jari di hadapan bahagian dan satu lubang ibu jari di belakang bahagian batang.

Pada masa alat ini ditiup, rid dimasukkan sepenuhnya ke dalam mulut pemain. Bibir pemain pula diletak pada sebelah piring kecil di bawah rid itu. Justeru itu, rid tidak dikawal oleh bibir pemain dan rid itu dianggap sebagai rid yang bergetar secara bebas (*free-beating reed*). Pemain *sarune* menggunakan cara bernafas yang berterusan (*marsiulak hosa* [juga dianggap seperti 'bernafas secara pusingan']), iaitu udara ditiup ke dalam rid dengan mulut pemain dan pada waktu yang sama udara tambahan disedut ke dalam paru-paru melalui hidungnya. Cara bernafas yang berterusan ini dilakukan supaya melodi *sarune* tidak berputusan atau berhenti sehingga selesai *gondang* dimainkan.

Dalam ensembel, *sarune bolon* memainkan melodi *gondang*. *Sarune* dapat menghasilkan skel heptatonik, tetapi pada umumnya tumpuan melodi *sarune* biasanya diberi pada lima pic tertentu yang boleh dianggap sebagai lima pic teras pentatonik. Jika dibandingkan dengan skel major Barat, skel *sarune* menghasilkan pic *do, re, mi, fa, sol, la* dengan pic tambahan *sol* di bawah *do* atau satu oktaf di bawah pic kelima dari skel itu. Jeda di antara pic *sarune* ini cukup bervariasi tetapi hampir semua skel mengandungi jeda semiton dan jeda major dua.

### ***Taganing***

*Taganing* atau *tataganing* mengandungi lima dram yang disusun dalam satu baris pada satu rangka kayu. Susunan adalah dari dram yang terkecil di bahagian kiri ke dram yang terbesar di bahagian kanan. *Taganing* dibuat daripada kayu seperti *hau ni pinasa* (*Artocarpus integer*),

*hau ingul* (*Cedrella toona*), dan *hau joring* (*Phite colobium*) (Purba 1998: 157). Dram-dram itu berbentuk konis dan barel, dan mempunyai satu muka kulit. Kulit boleh dibuat daripada kulit kerbau, kulit kambing atau kulit lembu. Ukuran dram berbeza antara 35 hingga 50 sentimeter panjang dan 17 hingga 22 sentimeter lebar dari garipusat (Gambar 2). Kelima-lima dram ini dimainkan oleh satu orang dengan dua alat pemukul kayu yang disebut *palu-palu*.

Dalam ensembel, dram *taganing* mempunyai tiga fungsi, iaitu memainkan rentak, melodi (bersama dengan *sarune bolon*) ataupun rentak dan melodi sekali gus. Bila pemain *taganing* memainkan rentak dan melodi pada masa yang sama, kedua-dua tangan mempunyai tugas yang berbeza. Biasanya, sementara tangan kanan memainkan melodi, tangan kiri pula hanya memainkan rentak.

### ***Gordang***

*Gordang* ialah dram bes yang mempunyai bentuk yang sama seperti *taganing* yang mempunyai satu muka kulit. Saiznya jauh lebih besar daripada *taganing*. Panjangnya adalah antara 100 hingga 110 sentimeter, dan lebarnya adalah antara 23 hingga 27 sentimeter dari garispusat. *Gordang* disusunkan di bahagian *taganing* yang berpici paling rendah (lihat Gambar 2). *Gordang* dimainkan oleh satu orang dengan dua alat pemukul kayu (*palu-palu*).

Dalam ensembel, walaupun *gordang* mempunyai bentuk yang sama seperti *taganing*, *gordang* tidak mempunyai pic tertentu kerana fungsi *gordang* bukanlah untuk membawa melodi tetapi untuk memainkan iringan rentak bagi menghasilkan rentak terhasil antara *taganing* dengan *gordang*.

### ***Ogung***

Ensembel *gondang sabangunan* mengandungi empat buah *ogung* (gong gangsa) iaitu *ogung oloan*, *ogung ihutan*, *ogung panggora* dan *ogung doal*. Keempat-empat *ogung* ini berbusut dan berukuran berbeza. *Ogung oloan* dan *ogung ihutan* lebih besar – panjangnya adalah

antara 40 hingga 50 sentimeter pada garispusat sedangkan *ogung panggora* dan *ogung doal* lebih kecil – panjangnya adalah antara 30 hingga 37 sentimeter pada garis pusat. Keempat-empat *ogung* dipukul pada busut dengan pemukul yang berbalut; dan setiap *ogung* dimainkan oleh seorang. Ada kala juga *ogung oloan* dan *ogung ihutan* dimainkan oleh seorang sahaja.

Terdapat tiga cara yang berbeza bagi memainkan keempat-empat *ogung*. *Ogung oloan* dan *ogung ihutan* digantung secara tegak pada satu rak kayu. Kedua-dua *ogung* ini tidak diredam untuk menghasilkan bunyi yang bergaung. *Ogung panggora* boleh digantung atau diletak di atas paha atau riba pemain. Rim *ogung panggora* diredam untuk menghasilkan bunyi yang tidak bergaung. Berbeza dengan ketiga-tiga gong itu, *ogung doal* dipeluk oleh pemain sehingga tidak menghasilkan bunyi bergaung sedikit pun. Namun demikian, masakini *ogung doal* sering digantung seperti *ogung* lain, tetapi semasa persembahan *ogung doal* harus dipeluk.

Empat pic yang berlainan dihasilkan oleh keempat-empat *ogung* ini dengan jeda yang berbeza. Tambahan pula pic setiap set *ogung* tidak dilaraskan. Jeda antara *ogung oloan* dan *ogung ihutan* berhampiran jeda major dua atau minor tiga; sedangkan jeda *ogung panggora* dan *ogung doal* biasanya berhampiran jeda major dua, tetapi kadang-kadang major tiga atau perfek empat. Fungsi keempat-empat *ogung* adalah sebagai penanda gongan bagi kesemua repertoire lagu *gondang*.

### ***Hesek***

*Hesek* adalah alat pukul idiofon yang biasanya diperbuat daripada gangsa tetapi ada kalanya juga yang diperbuat daripada besi atau botol bir kosong. *Hesek* gangsa atau besi biasanya dipalu dengan sebatang besi, manakala *hesek* botol bir kosong pula dipalu dengan sebatang kayu. *Hesek* berfungsi sebagai penanda bit tetap sepanjang lagu dan dimainkan oleh seorang pemain sahaja.



### **Pemilihan Tajuk *Gondang* Dalam Upacara Pesta Adat**

Secara am, muzik *gondang sabangunan* mempunyai dua peranan iaitu peranan vertikal dan peranan horizontal. Peranan vertikal bererti penghormatan kepada pencipta dan penguasa alam. Peranan horizontal pula bererti penghormatan sesama manusia (secara khusus penghormatan antara unsur-unsur *dalihan na tolu*). Berasaskan peranan tersebut, pengelasan kegiatan muzik *gondang sabangunan* dapat dibahagikan kepada tiga aspek. Pertama adalah bagi pesta hiburan yang dilaksanakan di luar konteks adat *dalihan na tolu* (bukan-adat) seperti *Gondang Na Poso* (pesta hiburan oleh para belia yang biasanya dilaksanakan pada malam hari), pesta pembangunan gereja, pesta pengumpulan dan amal, pesta persembahan panggung, dan lain-lain. Kedua adalah bagi upacara yang dilaksanakan oleh organisasi 'agama' yang berasaskan kepercayaan asli Batak Toba, misalnya *Parmalim*.

Ketiga adalah bagi upacara pesta adat yang berhubung kait dengan adat *dalihan na tolu*, misalnya, upacara pesta adat perkahwinan, upacara pesta adat memasuki rumah baru, upacara pesta adat kematian, dan upacara pesta adat *mangongkal holi* (menggali tulang-belulang orang tua yang sudah lama meninggal). Dalam setiap upacara pesta adat ini, muzik *gondang sabangunan* mempunyai fungsi sebagai medium untuk mencapai tujuan yang diinginkan. Justeru itu, pemilihan tajuk *gondang* dengan tepat adalah hal penting yang dilakukan oleh setiap kelompok penari. Alasannya adalah dengan pemilihan tajuk *gondang* yang tepat, muzik *gondang sabangunan* sebagai medium benar-benar berfungsi sehingga tujuan yang diharapkan dalam upacara pesta adat akan tercapai.

Tajuk-tajuk *gondang* banyak didapati (jumlah yang pasti belum diketahui) dalam repertoir *gondang sabangunan*. Namun begitu, dalam artikel ini saya akan membincang tentang tajuk-tajuk *gondang* yang menggambarkan aspek-aspek adat *dalihan na tolu* untuk menunjukkan fungsi muzik *gondang sabangunan* sebagai medium dalam upacara pesta adat.

Berdasarkan penyelidikan, tajuk-tajuk *gondang* yang amat lazim dimainkan sekarang dalam upacara pesta adat adalah:

- 1) *Gondang Alu-alu* (*gondang* untuk memberitahu...)
- 2) *Gondang Mula-mula* (*gondang* permulaan)
- 3) *Gondang Somba* (*gondang* menyembah...)
- 4) *Gondang Sampur Marorot* ('doa' memohon diberi anak);
- 5) *Gondang Sibane-bane* ('doa' memohon kedamaian);
- 6) *Gondang Marnini Marnono* ('doa' memohon diberi cucu-cicit);
- 7) *Gondang Sitorop Maribur* ('doa' memohon agar berketurunan banyak);
- 8) *Gondang Saur Matua* ('doa' memohon diberkati usia panjang);
- 9) *Gondang Simonang-monang* ('doa' memohon kemenangan);
- 10) *Godang Didang-didang* ('doa' memohon sukacita);
- 11) *Gondang Saudara* ('doa' memohon kemakmuran);
- 12) *Gondang Embas-embas* ('menunjukkan kegembiraan hati');
- 13) *Gondang Sampe-sampe* ('menyampaikan berkat dari *hula-hula* ke *boru*);

- 14) *Gondang Mangaliat* (*gondang* 'berkeliling' atau 'berputar');
- 15) *Gondang Hasahatan Sitio-tio* ('doa' pengharapan bahawa semua yang dimohon akan terkabul).

Setiap tajuk *gondang* mengandungi makna yang berbeza yang menggambarkan suatu keinginan dari setiap kelompok *panortor* (penari). Dalam upacara pesta adat, kelompok penari akan memilih beberapa tajuk *gondang* yang sesuai dengan konteks acara yang sedang dilaksanakan.

### **Fungsi Muzik *Gondang* Dalam Upacara Pesta Adat**

Merriam (1964: 218) menyatakan bahawa fungsi sebuah unsur kebudayaan (dalam masyarakatnya) adalah "kemujarabannya" (*effectiveness*) dalam memenuhi keperluan yang ada, atau dalam mencapai tujuan tertentu. Sehubungan dengan itu, pada masyarakat Batak Toba, muzik *gondang sabangunan* sebagai satu unsur kebudayaan, berfungsi sebagai medium untuk mencapai tujuan yang diinginkan dalam upacara pesta adat.

Ketika muzik *gondang sabangunan* dimainkan, pelaksana upacara pesta adat dan para jemputan akan menari. Acara-acara *tortor* (tarian) disusun sesuai dengan keperluan dan ketentuan upacara pesta adat. Dalam acara-acara tarian itu, boleh dilihat bagaimana muzik *gondang sabangunan* berfungsi untuk mencapai tujuan yang diinginkan oleh pelaksana upacara pesta adat. Hal itu berkaitan dengan apa yang dihuraikan Merriam tentang fungsi muzik. Merriam (1964: 219-226) menyatakan bahawa terdapat sepuluh fungsi utama muzik, antaranya adalah bagi pengesahan upacara (pesta adat), bagi pengintegrasian masyarakat, bagi kesinambungan kebudayaan, bagi komunikasi, bagi reaksi jasmani dan bagi apa sahaja yang berkaitan dengan norma-norma sosial. Fungsi muzik yang dihuraikan Merriam itu terpapar dalam upacara pesta adat Batak Toba.

Fungsi muzik *gondang sabangunan* sebagai pengesahan upacara pesta adat dapat dilihat pada acara yang pertama dilaksanakan iaitu acara *mambuat tua ni gondang* (menerima tuah

atau berkat daripada Tuhan dan unsur-unsur kekerabatan). Perkataan *mambuat* bererti 'mengambil'; sedang *tua ni gondang* bererti 'tuah' atau 'berkat daripada *gondang*'. Namun demikian, bila diterjemahkan sebagai 'mengambil tuah atau berkat daripada *gondang*' kurang sesuai dengan konteks acaranya. Oleh itu, untuk mengerti maksudnya harus dilihat dari tujuan acara itu dilaksanakan. Tujuan acara ini adalah melalui muzik *gondang sabangunan* dan *tortor* (tarian), pelaksana upacarah yang pertama menerima tuah atau berkat daripada Tuhan dan unsur-unsur kekerabatan kerana merekalah yang melaksanakan upacara pesta adat itu.<sup>2</sup>

Dalam acara *mambuat tua ni gondang*, *gondang* berjumlah tujuh tajuk yang terdiri daripada tiga bahagian, iaitu *mula-mula* (permulaan), *pinta-pinta* (permohonan) dan *hasahatan* (pengharapan). Untuk urutan dan tajuk *gondang* tidaklah selalu sama bergantung kepada apa yang diinginkan dan diharapkan dalam upacara. Bila jumlah yang dimainkan berupa tujuh buah tajuk *gondang*, maka kesempurnaan daripada upacara pesta adat semakin nampak dan secara berterusan tuah atau berkat yang diharapkan akan melimpah.

Berikut adalah contoh daripada tujuh tajuk *gondang* yang dimainkan.


- |                                  |  |
|----------------------------------|--|
| <i>Mula-mula</i> (permulaan):    | 1. <i>Gondang Mula-mula</i> ('doa' permulaan);   |
|                                  | 2. <i>Gondang Somba</i> ( <i>gondang</i> menyembah);   |
| <i>Pinta-pinta</i> (permohonan): | 3. <i>Gondang Sibane-bane</i> ('doa' memohon kedamaian);   |
|                                  | 4. <i>Gondang Sampur Marorot</i> ('doa' memohon diberi anak);                                      |
|                                  | 5. <i>Gondang Saudara</i> ('doa' memohon kemakmuran);  |
|                                  | 6. <i>Gondang Simonang-monang</i> ('doa' memohon kemenangan);                                      |
| <i>Hasahatan</i> (pengharapan):  | 7. <i>Gondang Hasahatan Sitio-tio</i> ('doa' pengharapan bahawa semua yang dimohon akan terkabul). |

Biasanya, sebelum tujuh tajuk *gondang* itu dimainkan, yang pertama diminta adalah *Gondang Alu-alu* yang secara harfiah bererti ‘*gondang* untuk memberitahu...’ Namun di sebalik erti itu, *Gondang Alu-alu* bermaksud ‘doa memohon restu dan kebenaran’ sama ada daripada Tuhan, manusia, atau leluhur. Oleh itu, tajuk *Gondang Alu-alu* tidaklah satu, tetapi ia terdiri dari beberapa tajuk iaitu *Gondang Alu-alu tu Amanta Debata* (‘doa untuk memberitahu dan memohon restu daripada Tuhan’) dan *Gondang Alu-alu Tu Na Liat Na Lolo* (‘doa untuk memberitahu dan memohon restu daripada semua yang hadir’ [dalam upacara pesta adat itu]). Hanya alat muzik *taganing* (dram) dan *ogung oloan* (gong) dimainkan bagi *Gondang Alu-alu*

Pada masa *Gondang Alu-alu* dimainkan, pelaksana upacara pesta adat belum lagi *manortor* (menari) kerana *gondang* itu merupakan ‘pemberitahuan’ sahaja kepada Tuhan dan semua yang hadir bahawa mereka sedang melaksanakan upacara pesta adat. Setelah selesai *Gondang Alu-alu* dimainkan, kemudian dimintalah tujuh tajuk *gondang* diteruskan. Pada masa tujuh tajuk *gondang* itu dimainkan, pelaksana upacara pesta adat menari bersama.

Bila dikaji urutan dan tajuk *gondang* yang dimainkan itu, ia menceritakan mengenai keinginan dan tujuan yang diharapkan oleh pelaksana upacara pesta adat itu. *Gondang Mula-mula* dan *Gondang Somba* merupakan penghormatan kepada Tuhan dan manusia (maksudnya unsur-unsur *dalihan na tolu* dan lain-lain yang hadir dalam upacara). *Gondang Sibane-bane*, *Gondang Sampur Marorot*, *Gondang Saudara*, dan *Gondang Simonang-monang* merupakan ‘doa’ permohonan dari pelaksana upacara pesta adat. *Gondang Hasahatan Sitio-tio* pula merupakan pengharapan untuk mencapai nilai-nilai kehidupan dalam adat *dalihan na tolu*. Pada bahagian akhir, *Gondang Hasahatan Sitio-tio* dimainkan, semua penari mengatakan *horas* (sejahtera/bahagia) tiga kali, “*horas, horas, horas,*” yang bermaksud acara *mambuat tua ni gondang* sudah selesai.<sup>3</sup>

Pada saat tujuh tajuk *gondang* itu dimainkan, semua penari menari dengan serius dan khusyuk. Ketika menari itu, sebenarnya mereka sedang ‘berdoa’ mengikuti melodi muzik *gondang*



Gambar 1: Ensembel Gondang Sabangunan



Gambar 2: Taganing dan Gordang

menari dengan gembira dan khusyuk, saling menunjukkan rasa persaudaraan, sehingga terjadilah suatu integrasi yang erat di antara mereka yang menyatu dalam irama dan melodi musik *gondang sabangunan*.

Dalam acara *tortor adat dalihan na tolu* (acara tarian daripada unsur-unsur kekerabatan), musik *gondang sabangunan* juga mempunyai fungsi yang penting. Hal itu boleh dilihat ketika menari kelompok *hula-hula* (mentua) dan kelompok *boru* (menantu). Dalam acara tarian ini,

*sabangunan*. Setelah mengatakan “*horas, horas, horas*”, mereka percaya bahawa ‘doa’ permohonan dan pengharapan itu telah mereka panjatkan melalui muzik *gondang sabangunan*. Setelah selesai acara *mambuat tua ni gondang*, upacara pesta adat yang dilaksanakan telah sah dilakukan sehingga boleh diteruskan dengan acara-acara selanjutnya. Dengan demikian, jelas boleh dilihat bahawa muzik *gondang sabangunan* berfungsi untuk pengesahan upacara pesta adat.

Ketika mereka bersatu dalam acara *mambuat tua ni gondang*, mereka berasakan kebersamaan sebagai satu garis kekerabatan dalam adat *dalihan na tolu*. Pada saat menari, muzik *gondang sabangunan* dapat membangkitkan rasa kebersamaan di antara mereka. Mereka


kelompok penari tidak lagi meminta tujuh tajuk *gondang* untuk dimainkan melainkan tiga atau lima tajuk *gondang* (yang paling sering tiga tajuk *gondang*). Hal itu dilakukan untuk menghemat masa kerana biasanya banyak kelompok hula-hula dan kelompok boru kekerabatan yang akan menari dalam upacara pesta adat.

Walaupun kelompok penari tidak meminta tujuh tajuk *gondang*, ini tidak mengurangkan kesempurnaan acara itu. Oleh kerana itu, memilih tajuk *gondang* dengan tepat adalah hal penting dilakukan oleh kelompok penari. Tajuk *gondang* yang dipilih boleh diragamkan, yang penting haruslah benar-benar sesuai dengan apa yang diharapkan oleh pelaksana upacara. Mereka mempunyai keyakinan, dengan memainkan tajuk *gondang* yang tepat dipercayai tujuan yang diharapkan melalui upacara pesta adat akan tercapai. Berikut ini adalah contoh tiga tajuk *gondang* yang dimainkan dalam acara *tortor adat dalihan na tolu*.

- Mula-mula* : 1. *Gondang Mula-mula* ('doa' permulaan);  
*Pinta-pinta* : 2. *Gondang Sampur Marorot* ('doa' memohon diberi anak);



Gambar 3: *Boru* dengan khusuk menari menyembah memohon berkat dari *hula-hulanya*



Gambar 4: Secara simbolik *hula-hula* memberi berkat dengan cara menyentuh *ulos* ke bahu sebelah kanan *boru*.

*Hasahatan* : 3. *Gondang Hasahatan Sitio-tio* ('doa' pengharapan bahawa semua yang dimohon akan terkabul).

Oleh kerana kelompok *boru* (menantu) mempunyai keinginan mendapat anak, tajuk *gondang* yang diminta adalah *Gondang Sampur Marorot* yang bererti 'doa' permohonan meminta berkat supaya mendapat anak untuk dibela/diasuh. Sesuai dengan permintaan, pemain muzik *gondang sabangunan* memainkan tajuk *gondang* itu. Sebagai medium, muzik *gondang sabangunan* dapat merangsang 'reaksi jasmani' daripada setiap penari.

Ketika menari, reaksi jasmani yang timbul adalah pengungkapan yang penuh dengan perasaan khusyuk yang terlihat jelas dari muka/wajah dan gerakan tariannya. Perasaan khusyuk atau keinginan untuk mendapatkan anak, secara simbolik digambarkan dalam gerakan tarian menyembah oleh kelompok *boru*. Ketika menari menyembah, melalui 'doa' yang disampaikan oleh pemain muzik *gondang sabangunan*, kelompok *boru* (menantu) menyembah dan 'meminta berkat' dari *hula-hulanya* (Gambar 3) untuk didoakan supaya mendapat anak. *Hula-hula* (mentua) pula yang dianggap sebagai 'wakil' Tuhan sambil berdoa dalam hati meminta kepada Tuhan, menari dengan menyentuhkan *ulos* (kain tradisional adat Batak Toba) kepada bahu sebelah kanan *borunya* (Gambar 4). Sentuhan *ulos* ke bahu itu menggambarkan bahawa *hula-hula* sedang 'memberi berkat' kepada *borunya* supaya keinginan mendapat anak boleh tercapai.<sup>4</sup>

Dalam acara tarian itu, boleh dilihat fungsi muzik *gondang sabangunan* sangat penting. Rentak dan melodi muzik *gondang sabangunan* dapat berfungsi membangkitkan reaksi jasmani sehingga *hula-hula* dan *boru* bersemangat ketika menari. Ketika menari bersemangat itu, muzik *gondang sabangunan* juga berfungsi mengungkapkan perasaan khusyuk daripada *hula-hula* dan *boru*. Dalam luapan perasaan yang khusyuk itu, sebenarnya antara *boru* dan *hula-hula* sedang terjadi 'komunikasi' dua arah yang bersatu dalam 'doa' permohonan dan pengharapan yang disampaikan melalui muzik *gondang sabangunan* dan *tortor*. Oleh kerana itu, muzik *gondang sabangunan* juga mempunyai fungsi komunikasi dalam upacara pesta adat.



## Rujukan

- Gultom, D.J. 1992. *Dalihan Na Tolu Nilai Budaya Suku Batak*. Medan: C.V. Armanda.
- Hutasoit, M. 1976. *Buku Ende dohot Uning-uningan Batak*. Unpublished Article, Tarutung.
- Merriam, A. 1964. *The Anthropology of Music*. Evanston, III: Northwestern University Press.
- Okazaki, Yoshiko. 1994. Music, Identity, and Religious change among the Toba Batak People of North Sumatra. Ph.D. thesis, University of California, Los Angeles.
- Purba, Mauly. 1998. Musical and Functional Change in the Gondang Sabangunan Tradition of the Protestant Toba Batak 1860s-1990s with special reference to the 1980s-1990s. Ph.D. thesis, Monash University, Melbourne.
- Simangunsong, Emmi. 1988. Fungsi Gondang Sabangunan Dalam Upacara Ritual Parmalim Sipaha Sada di Desa Lumban Gambiri, Kecamatan Silaen. B.A. thesis, Universitas Sumatera Utara, Medan.
- \_\_\_\_\_. 2002. Ensembel Gondang Sabangunan Batak Toba: Perhubungan Di Antara Muzik, Tortor Dan Adat Dalihan Na Tolu. M.A. thesis, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia.
- Sinaga, Anicetus B. 1991. *Mula, Lapatan, Partording ni Gondang Batak*. Sibolga: Keuskupan Sibolga.

## Notes

<sup>1</sup> Ensembel *gondang hasapi* mengandungi alat-alat muzik *sarune etek*, *hasapi ende*, *hasapi doal*, *garantung*, *sulim*, dan *hesek*. *Sarune etek* atau *sarune na metmet* (*sarune* kecil) adalah sebuah alat muzik erofon

berlidah (reed) satu daun. Bahagian dalam batangnya mempunyai empat buah lubang jari di bahagian hadapan dan satu lubang ibu jari di bahagian belakang. Dalam ensembel, *sarune etek* berfungsi sebagai pembawa melodi. *Hasapi ende* dan *hasapi doal* adalah lut yang dipetik, masing-masing mempunyai dua tali, namun fungsi masing-masing alat tidaklah sama. *Hasapi ende* ('hasapi nyanyian') berfungsi sebagai pembawa melodi sedangkan *hasapi doal* memainkan pola-pola ulangan yang mirip dengan pusingan perulangan *ogung* (gong) dalam *gondang sabangunan*. *Garantung* pula silofon dengan lima atau tujuh pic, dan fungsinya sebagai pembawa melodi. *Sulim* adalah flut/suling horizontal dengan enam buah lubang jari dan sebuah lubang tambahan yang ditutup dengan selaput tipis untuk memberi suatu warna bunyi (*timbre*) tersendiri.

<sup>2</sup> Acara *mambuat tua ni gondang* dilaksanakan biasanya pada menjelang malam hari kira-kira pukul tujuh malam sebelum acara adat penuh pada hari esoknya (misalnya upacara adatnya dilaksanakan pada 8hb. maka acara *mambuat tua ni gondang* dilaksanakan pada 7hb. bermula kira-kira pukul tujuh malam). Tempat acara *mambuat tua ni gondang* dilakukan ada yang di dalam rumah dan juga ada yang di luar (halaman) rumah. Untuk upacara pesta adat *saur matua* (upacara pesta adat kematian), selalunya acara *mambuat tua ni gondang* dilaksanakan dalam rumah. Caranya, semua pihak pelaksana upacara akan berdiri mengelilingi jenazah orang tua yang meninggal itu. Sesuai dengan adat *dalihan na tolu*, balu daripada orang tua yang meninggal (jika masih hidup) bersama keluarga daripada anak-anak lelaki dan cucu-cicitnya berdiri di sebelah kanan jenazah sedangkan keluarga daripada anak-anak perempuan dan cucu-cicitnya berdiri di sebelah kiri jenazah. Pemain muzik (*pargonsi*) pula diberi tempat di hadapan pintu rumah dan duduk sesuai dengan masing-masing posisi alat muzik *gondang sabangunan* yang dimainkan.

<sup>3</sup> Perkataan *Horas* sudah menjadi simbol kepada masyarakat Batak Toba. Bila sesama orang Batak Toba berjumpa, apatah lagi sudah lama tak berjumpa, selalunya masing-masing mereka akan berkata *Horas* sambil bersalaman. Pada masa bersalaman dan berkata *Horas* itu bermakna selamat berjumpa dan sejahtera/bahagia selalu atau saya berharap kamu dalam keadaan sihat sahaja.

<sup>4</sup> Dalam adat *dalihan na tolu*, *ulos* mempunyai makna penting kerana *ulos* mempunyai nilai adat dan nilai spritual. Berdasarkan nilai spritualnya *ulos* dapat 'melindungi' setiap orang daripada godaan-godaan iblis (disebut '*mangulosi tondu*' [melindungi jiwa]), sedangkan nilai adatnya *ulos* merupakan satu alat untuk

menyatukan sebuah keluarga. Oleh itu, sejak seorang anak lelaki atau perempuan masih bayi lagi, pamannya akan *mangulosi* ('menyelimutkan') bayi itu. Setelah berkahwin pula, keluarga pasangan suami-isteri itu lagi *diulosi* ('diselimutkan') pamannya dan *hula-hulanya* (orang tua si perempuan). Kerana itu, sejak kecil lagi orang Batak Toba sudah diperkenalkan dengan tradisi *ulos* ini. Mengapa *ulos* disentuhkan di sebelah kanan bahu *boru* kerana dalam pandangan orang Batak Toba perkataan kanan (*siamun*) membawa makna yang baik. *Marlangka siamun* ('langkah kanan') bermakna mendapat rezeki. Oleh itu, pada masa *ulos* diguna selalu diletak di sebelah kanan dan *hula-hula* pun selalu menyentuhkan *ulos* ke sebelah kanan *boru*.